

Jawapan Soalan Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Bab 1

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. A Kerajaan Srivijaya
2. B Sistem Pembesar Empat Lipatan
3. D III dan IV
4. B Menunjukkan kedaulatan raja

5.

- (a) Apakah kandungan kedua-dua undang-undang di atas?

Kandungan Hukum Kanun Melaka berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan, bidang kuasa raja dan pembesar, pantang larang, hal berkaitan dengan ekonomi dan kesalahan sivil.

Undang-undang Laut Melaka pula berkaitan dengan pelayaran, peranan nakhoda, jenayah di atas kapal dan percukaian.

- (b) Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

Kedua-dua undang-undang ini diperkenalkan bagi melaksanakan pentadbiran untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka

- (c) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat negara kita tidak mematuhi undang-undang?

Pada pendapat saya, sekiranya rakyat tidak mematuhi undang-undang, sudah pasti akan berlakunya huru-hara dalam negara. Jenayah yang dilakukan oleh rakyat akan berleluasa seperti kecurian, pembunuhan dan rogol. Ketidakadilan sudah pasti berlaku kerana yang berkuasa pasti akan memeras yang lemah. Masyarakat berani melakukan pelbagai kesalahan kerana tiada sesiapa atau undang-undang yang dapat menghentikan perbuatan mereka. Contohnya, kegagalan mematuhi undang-undang jalan raya sudah pasti akan menyebabkan banyak kemalangan dan ramai yang terkorban dalam kemalangan. Dalam keadaan ini, ekonomi negara akan merudum dan negara akan mengalami kemelesetan ekonomi. Dalam keadaan ini, keamanan dan keharmonian negara kita akan tergugat. Politik juga tidak akan stabil dan tampuk pemerintahan negara akan tergugat. Keadaan ini boleh menyebabkan anasir-anasir luar akan mengambil kesempatan terhadap negara kita untuk menjalankan aktiviti mereka seperti penyeludupan dadah, penyebaran ideologi pengganas dan pemerdagangan orang.

6.

- (a) Apakah yang anda faham daripada petikan di atas?

Petikan di atas ialah perjanjian antara rakyat dengan raja. Dalam perjanjian ini, dinyatakan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang rakyat terhadap raja. Di samping itu, dinyatakan juga perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang raja terhadap rakyat. Sekiranya mana-mana pihak melanggar perjanjian, akan menerima balasan sebagai akibatnya.

- (b) Mengapakah rakyat dilarang menderhaka kepada raja?

Rakyat dilarang menderhaka kepada raja kerana pada zaman dahulu raja dianggap sebagai bayangan tuhan di muka bumi dan rakyat mempercayai konsep dewa-raja. Derhaka kepada raja bererti menderhaka kepada tuhan. Rakyat juga mempercayai kesaktian raja kerana adanya unsur mitos dan legenda tentang asal usul seseorang raja. Raja juga merupakan simbol perpaduan dan mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam hierarki sosial masyarakat. Rakyat yang menderhaka akan ditimpa tulah. Menderhaka juga dianggap sebagai tindakan biadab oleh masyarakat zaman dahulu.

7. Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda menghayati prinsip Rukun Negara di atas?
Sebagai warganegara yang patriotik, saya akan menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi terhadap raja dan negara. Saya sentiasa akan menjaga nama baik negara di mana-mana sahaja saya berada. Saya sanggup berkorban untuk raja dan negara. Sebagai rakyat, saya tidak akan menyertai sebarang aktiviti yang menentang Raja dan perkara yang boleh menjatuhkan nama negara kita. Di samping itu, saya akan sentiasa berusaha untuk menaikkan nama negara di persada dunia. Saya juga tidak akan meninggalkan negara atau berhijrah ke negara lain.

Bab 2

Ulas Gilir (Rotating View)

1. Apakah tema puisi “Anak Merdeka” ini?
 - Tema puisi “Anak Merdeka” ialah nasib bangsa/ semangat perjuangan dan cintakan tanah air (mana-mana tema yang munasabah)
2. Apakah maksud
Wahai anak bangsa yang tumbuh dari rahim perjuangan! bangunlah dari mimpi ngerimu, jejakkan dirimu kepada semangat juang pertiwi.
 - Maksud rangkap tersebut ialah menggerakkan anak bangsa yang berjiwa pejuang supaya bangkit berjuang dari kelalaian untuk terus membara membela nasib negara seperti yang diperjuangkan tokoh terdahulu.
(Mana-mana maksud yang munasabah)
3. Apakah tindakan penjajah yang menyebabkan rakyat peribumi tersisih?
 - Tindakan penjajah ialah seperti bertindak bermaharajalela lela merosakkan fikiran rakyat, merampas hasil bumi dan menguasai pentadbiran negara.
4. Nyatakan nilai dan iktibar dari puisi ini.
 - Nilai dan iktibar dari puisi ini ialah nilai semangat juang, berusaha dan nilai cintakan negara. Iktibarnya ialah seperti menyedarkan diri tentang kesan penjajahan, menilai dan berwaspada dengan tindak tanduk penjajah yang menguasai ekonomi serta menjaga negara agar kekal berdaulat
(Mana-mana nilai dan iktibar yang munasabah)

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. D. Kerajaan berperlembagaan ditegakkan
 2. D. Mengekalkan kedaulatan negara
 3. D. Menyemarakkan kegiatan nasionalisme
 4. C. Memperjuangkan nasib bangsa
- 5.
- (i) Apakah tema yang terkandung dalam Sumpah Pemuda di atas?
 - Tonggak nasionalisme Indonesia.
 - Tiga asas tonggak tersebut ialah satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa.
 - (ii) Pada pendapat anda, mengapakah sumpah tersebut dilafazkan?
 - Membangkitkan semangat kebangsaan dalam kalangan rakyat.
 - Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat untuk memperjuangkan kemerdekaan.
 - Mewujudkan keutuhan dalam pembinaan negara bangsa.
(Mana-mana jawapan munasabah)

- (iii) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan daripada kelahiran sumpah tersebut?
- Menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan rakyat Indonesia.
 - Menyatupadukan rakyat dan melahirkan kerjasama dalam gerakan politik.
 - Contohnya pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI).
- (Mana-mana jawapan munasabah)
- (iv) Bagaimanakah anda boleh memanfaatkan kandungan sumpah tersebut untuk mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia?
- Bersatu padu mengukuhkan taat setia kepada negara.
 - Memupuk rasa bangsa sebagai rakyat Malaysia.
 - Mengukuhkan semangat patriotik untuk mempertahankan bangsa dan negara.
 - Menggunakan bahasa kebangsaan untuk membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat.
 - Mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai identiti bangsa sesuai dengan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”.
- (Mana-mana jawapan munasabah)
- 6.
- i. Namakan nasionalis lepasan MCKK dan SITC yang berjaya mencetuskan nasionalisme. Nasionalis lepasan MCKK seperti Raja Chulan Raja Abdullah, Mohammad Eunus Abdullah, Mahmud Mat dan Raja Uda Raja Muhammad. Lepsan SITC seperti Abdul Hadi Abdul Manan, Harun Aminurrashid dan Buyong Adil.
- ii. Bagaimanakah golongan intelektual ini membangkitkan nasionalisme ketika itu? Golongan intelektual membangkitkan semangat nasionalisme ketika itu melalui penulisan karya kreatif yang bertemakan semangat perjuangan, menulis dan menerbitkan akhbar dan majalah, menubuhkan persatuan bersifat sosioekonomi dan politik serta menyalurkan idea mereka dengan cara terbaik-baik dengan British.
- iii. Bagaimanakah golongan intelektual boleh memanfaatkan ilmu bagi memartabatkan negara kini? Golongan intelektual boleh memanfaatkan ilmu untuk memartabatkan negara kini dengan cara menghasilkan pelbagai rekaan inovasi yang kreatif, menulis dalam pelbagai lapangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mengendalikan wacana intelektual serta menghasilkan karya kreatif yang sesuai dengan pelbagai peringkat umur.

Bab 3

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. D. Bakal raja Austria-Hungary dibunuh
 2. C. Mengukuhkan angkatan tentera
 3. B. Melakukan serangan bom atom
 4. A. Meluaskan kuasa
 5. D. Memperkenalkan sistem ekonomi kawalan
- 6.
- (a) Apakah tujuan poster tersebut dikeluarkan oleh pentadbiran tentera Jepun? Sebagai kempen untuk menambah barangan makanan / mencukupkan makanan dalam negeri.
- (b) Jelaskan kandungan poster tersebut.
- Saranan menggunakan tanah-tanah kosong untuk menambah penghasilan barang makanan akibat masalah kekurangan barang makanan.

- Saranan menambah penanaman padi, jagung, ubi keledek, ubi kayu dan lain-lain tanaman.
 - Saranan menternak binatang seperti lembu, ayam, kambing dan lain-lain ternakan.
- 4.
- (c) Pada pandangan anda, mengapakah masalah kekurangan bekalan makanan berlaku semasa pendudukan Jepun?
- Kemelesetan ekonomi akibat perang.
 - Perdagangan antarabangsa terhenti kerana kapal-kapal dagang Jepun dibom oleh tentera Bersekutu.
 - Barang makanan seperti padi dari luar seperti dari Burma dan Thailand tidak dapat diimport akibat zaman perang.
- (Mana-mana jawapan munasabah)
- (d) Wajarkah saranan seperti di dalam poster di atas diamalkan oleh generasi hari ini? Berikan ulasan anda
- Wajar, kerana banyak manfaat.
 - Memenuhi masa lapang dengan kegiatan berfaedah.
 - Memanfaatkan tanah lapang terbiar dengan kegiatan yang menguntungkan seperti bercucuk tanam dan menternak binatang.
 - Dapat menambah pendapatan dengan hasil jualan tanaman atau ternakan. (Mana-mana jawapan munasabah)

Bab 4

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. A Mewujudkan keamanan
2. D Malayan Union
3. B 1 dan IV

4. Petikan yang berikut berkaitan

- (a) Jelaskan ciri-ciri Malayan Union.
- Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.
 - Contoh, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, dan Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Johor, Melaka dan Pulau Pinang.
 - Gabenor British yang dilantik oleh Raja England mengetuai Malayan Union.
 - Raja-Raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-Raja.
 - Majlis Raja-Raja hanya membincangkan soal agama Islam/adat istiadat Melayu.
 - Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malaya Union dibentuk di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.
 - Kewarganegaraan melalui prinsip *jus soli* menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union.

5

(b) Bagaimanakah penduduk tempatan menentang Malayan Union?

- Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union – Membawa kes
- Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England. Menghantar surat bantahan kepada Kerajaan British di London. Menyokong Kongres Melayu. Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union. Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang Malayan Union.
- Bantahan akhbar Melayu – Akhbar *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Malaya* menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union.
- Bantahan cendekiawan – Tokoh pentadbir Melayu seperti Dato' Onn Jaafar, Za'ba, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Hamzah Abdullah telah menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union dengan pelbagai strategi.

- Tokoh wanita seperti Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abdul Majid, Saleha binti Mohd Ali dan Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid menjadi benteng barisan hadapan menentang Malayan Union.
 - Bantahan persatuan Melayu – Persatuan Melayu seperti SABERKAS, Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor telah menghimpunkan orang Melayu membantah Malayan Union.
 - Menubuhkan atau mengaktifkan semula persatuan-persatuan Melayu sebagai tindak balas terhadap gagasan Malayan Union.
 - Pemimpin dan Persatuan Melayu telah bekerjasama dengan Sultan mengadakan bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor.
 - Mengadakan Kongres Melayu – Kongres Melayu pertama diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur.
 - Kongres ini telah bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.
 - Kongres Melayu Kedua diadakan di Istana Johor pada 11 Mei 1946 – UMNO ditubuhkan secara rasmi untuk memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.
 - UMNO menganjurkan bantahan secara besar-besaran membantah Malayan Union.
 - Mengadakan rapat umum di bandar-bandar besar - Padang Francis Light di Pulau Pinang, Alor Setar Kedah, Ipoh Perak, Kampung Baru Kuala Lumpur, Klang Selangor dan Seremban Negeri Sembilan.
 - Orang Melayu berkabung tanda menentang Malayan Union.
- (c) Andaikan anda pemimpin orang Melayu semasa pelaksanaan Malayan Union. Berikan syor anda untuk membuat penambahbaikan terhadap Malayan Union supaya Raja-raja Melayu dan orang Melayu boleh menerima Malayan Union.
- Perlembagaan Malayan Union harus berasaskan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu.
 - Mengekalkan kuasa Raja-raja Melayu sebagai ketua negara.
 - Raja mempunyai kuasa tertinggi tetapi ditentukan oleh perlembagaan.
 - Malayan Union mesti melibatkan seluruh Tanah Melayu dan Singapura (termasuk wilayah yang dikuasai Thailand, iaitu Pattani).
 - Mengekalkan kedudukan istimewa penduduk asal.
 - Kedudukan raja-raja Melayu, Bahasa Melayu, agama Islam dan perundangan Islam menjadi unsur tradisi yang mesti dimasukkan dalam perlembagaan.
 - Permohonan untuk menjadi rakyat Malayan Union mestilah berdasarkan syarat kewarganegaraan yang ketat.
 - Pemohon mestilah mempunyai kebolehan berbahasa Melayu, memahami adat-istiadat Melayu dan kesetiaan terhadap raja dan negara.
5. Pernyataan yang berikut
- (a) Mengapakah Vyner Brooke membuat penyerahan tersebut?
- Masalah perwarisan takhta – Vyner Brooke telah tua dan uzur .
 - Beliau enggan melantik anak saudaranya, Anthony Brooke untuk menggantikannya.
 - Desakan Kerajaan British – British mendesak agar Vyner Brooke menyerahkan Sarawak.
 - Menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya – tujuan utamanya untuk mengeksploitasi kekayaan sumber ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu.
 - Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan.
 - Tidak berupaya membangunkan ekonomi Sarawak yang meleset selepas Perang Dunia Kedua.
- (b) Bincangkan reaksi penduduk Sarawak terhadap penyerahan tersebut.
- Reaksi menentang penyerahan
- Golongan yang menentang penyerahan dipimpin oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah membantah tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

- Golongan ini menentang kerana penyerahan Sarawak telah melanggar Prinsip Kelapan Perlembagaan 1941.
- Menurut perlembagaan ini, pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
- Penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
- Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke kerana membuat keputusan tanpa berbincang dengan Anthony Brooke dan Bertram Brooke.
- Golongan yang menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.
- Masyarakat peribumi menentang penyerahan Sarawak kerana Gerard T MacBryan menggunakan muslihat, tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.
- Penentangan secara terbuka dilakukan oleh Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dan Persatuan Melayu Miri.
- Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengetuai 16 persatuan Melayu mengadakan demonstrasi menentang penyerahan Sarawak.
- Golongan wanita dalam PKMS mengadakan demonstrasi menentang penyerahan Sarawak.
- Cikgu Lily Eberwein, Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol mengatur demonstrasi menentang penyerahan Sarawak.
- Golongan menentang penyerahan Sarawak juga menggunakan akhbar Utusan Sarawak sebagai saluran untuk mereka menyebarkan tentangan terhadap penyerahan Sarawak.
- Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) dan Barisan Pemuda Sarawak telah menghantar surat bantahan kepada kerajaan British di London untuk menyatakan bantahan mereka terhadap penyerahan Sarawak.
- Seramai 409 kakitangan kerajaan meletakkan jawatan sebagai bantahan terhadap Pekeliling No 9/1946 (Circular No 9) yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan.
- Rukun 13 dibentuk oleh pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM).
- Rosli Dhoby telah membunuh Gabenor Sarawak kedua, Sir Duncan Stewart semasa beliau di Sibul.

Reaksi Menyokong Penyerahan Sarawak

- Kumpulan menyokong penyerahan Sarawak diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Haji Suleiman.
- Golongan ini menyokong penyerahan kerana percaya penyerahan ini dapat memajukan Sarawak dalam pelbagai aspek seperti politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Sarawak.
- Penyerahan memberi peluang pekerjaan kepada golongan intelektual penduduk Sarawak dalam perkhidmatan kerajaan.
- Golongan propenyerahan menubuhkan Penubuhan Young Malay Association (YMA) membantu kemunduran masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang ekonomi dan sosial orang Melayu.

(c) Mengapakah British menjadikan Sarawak tanah jajahannya?

- Sejak tahun 1888, Sarawak telah menjadi negeri naungan British.
- Melindungi kepentingan hal ehwalnya.
- Pada tahun 1944 British mendesak Vyner Brooke supaya menyerahkan Sarawak.
- Desakan British menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British atas pertimbangan berikut – Sarawak mengalami kemusnahan dan kerosakan selepas Perang Dunia Kedua.
- British berpendapat hanya mereka yang mampu memajukan semula ekonomi Sarawak.
- British ingin menjaga kepentingan ekonominya di Sarawak.
- Ingin menjamin pelaburan dan modal British dalam perusahaan getah, lada hitam, sagu dan kelapa.
- Sarawak kaya dengan hasil bumi seperti pembalakan dan hasil petroleum.

- Sarawak mempunyai potensi sebagai pembekal bahan mentah dan tempat pemasaran barangan keluaran Britain.
- (d) Penduduk Sarawak menggunakan slogan yang berikut untuk menentang penyerahan Sarawak kepada British.
- Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menggalakkan penjajahan baharu.
 - Piagam menyarankan agar pihak penjajah memberikan latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan.
 - Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British melanggar prinsip Piagam Atlantik tersebut.
 - Dengan penyerahan tersebut, Sarawak telah menjadi tanah jajahan Mahkota British.
 - Ini bermakna Sarawak dipaksa menerima penjajahan mutlak British itu
 - Taraf kerajaan sendiri bagi Sarawak terjejas.
 - Melanggar Perlembagaan 1941 - Melambatkan pencapaian kemerdekaan.

Bab 5

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. D Mengadakan tunjuk perasaan
 2. B Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi
 3. C Membentuk perjanjian persekutuan
 4. D Menentang perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
5. Petikan yang berikut:
- (a) Nyatakan perkara yang dicadangkan oleh PUTERA – AMCJA dalam Perlembagaan Rakyat.
- Kedudukan Bahasa Melayu
 - Pertahanan dan hal ehwal luar negeri
 - Syarat kewarganegaraan Tanah Melayu
 - Bendera dan lagu kebangsaan
 - Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura
 - Sebuah kerajaan pusat yang kuat
 - Raja-raja Melayu sebagai raja Berperlembagaan
 - Adat-istiadat dan agama Islam
 - Syarat kewarganegaraan
- (b) Mengapakah British menolak rangka Perlembagaan Rakyat?
- British telah mewujudkan Jawatankuasa Kerja terdiri daripada Pegawai Tinggi British, Raja-raja Melayu dan UMNO sebelum PUTERA – AMCJA merangka Perlembagaan Rakyat.
 - Jawatankuasa Kerja telah menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang diterima oleh British, Raja-raja Melayu dan UMNO.
 - Anggota Jawatankuasa Kerja memilih bekerjasama dan sedia berolak ansur dengan British berbanding dengan golongan Melayu radikal dalam PUTERA – AMCJA.
 - Anggota Jawatankuasa Kerja juga tidak menuntut kemerdekaan.
 - Sebaliknya British menganggap perjuangan dan rangka Perlembagaan Rakyat terlalu radikal.
 - Bertentangan dengan dasar British yang melaksanakan dasar bekerjasama dengan pemimpin tempatan.
 - British tidak yakin dengan kerjasama PUTERA –AMCJA.

- (c) Apakah tindakan nasionalis Melayu radikal dan bukan Melayu apabila British menolak Perlembagaan Rakyat?
- Mengadakan ceramah politik/mengecam dasar-dasar British di Tanah Melayu.
 - Melancarkan hartal di seluruh Tanah Melayu.
 - Mendapatkan sokongan MDU, MIC, Selangor Indian Chamber of Commerce, PMFTU, pertubuhan buruh dan kesatuan sekerja.
 - Menyiarkan berita dan liputan hartal dalam majalah dan akhbar (Suara rakyat/Malay Mail/Times of Malaya/Straits Echo).
 - Tindakan mereka gagal mempengaruhi British.
 - Sebaliknya hartal dianggap perbuatan subversif.
 - British memperkenalkan Akta Darurat 1948.
- (d) Jelaskan sumbangan golongan nasionalis Melayu radikal dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita.
- Melaungkan perjuangan kemerdekaan sebelum Perang Dunia Kedua.
 - Mahu membebaskan tanah air daripada penjajah British.
 - Memperjuangkan hak semua kaum.
 - Menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebagai wadah untuk membuka minda rakyat ke arah pembebasan tanah air/idea kemerdekaan.
 - Menubuhkan cawangan di seluruh negeri Perak.
 - Memperjuangkan isu ketidakadilan penjajah yang sering menindas golongan nasionalis Melayu radikal dengan pelbagai halangan/sekatan.
 - Perjuangan mereka melangkaui daerah/negeri/ kebangsaan.

Petikan yang berikut....

6.

- (a) Jelaskan usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Penubuhan sebuah Jawatankuasa Eksekutif oleh British.
 - Dianggotai oleh pegawai kanan British.
 - Pemimpin UMNO.
 - Wakil Raja-raja Melayu.
 - British dan Raja-raja Melayu mengadakan pertemuan di Kuala Kangsar.
 - Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan, jaminan kedudukan Raja-raja Melayu dan meminta satu perjanjian baharu menggantikan Malayan Union.
 - British mengadakan pertemuan dengan pemimpin UMNO di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.
 - UMNO memberikan cadangan balas semasa mesyuarat diadakan di King's House, Kuala Lumpur.
 - Orang Melayu mengemukakan tuntutan menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union.
 - Mahukan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
 - Menolak kerakyatan terbuka Malayan Union.
 - Mahu dasar perlindungan terhadap negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan.
 - Menuntut supaya raja-raja Melayu sebagai ketua negeri-negeri Melayu diakui semula.
 - Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditentang oleh orang bukan Melayu dan golongan radikal Melayu.
 - Tidak ada wakil mereka dalam Jawatankuasa Eksekutif .
 - Menubuhkan PUTERA – AMCJA untuk menentang perjanjian persekutuan.
 - Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- (b) Mengapakah orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- Pentadbiran.
 - Terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka.

- Persekutuan Tanah Melayu 1948 diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif .
 - Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan berperanan untuk membantu dan memberikan nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi British
 - Kuasa Raja-raja Melayu.
 - Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan untuk memberikan pandangan dalam perkara tertentu.
 - Bagi peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang- undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri.
 - Perundangan.
 - Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
 - Bidang Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
 - ang undang-undang yang diluluskan tersebut mestilah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja.
 - Kewarganegaraan.
 - Syarat-syarat kerakyatan menjadi ketat .
 - Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memenuhi sebahagian besar tuntutan orang-orang Melayu.
 - Kedudukan istimewa orang-orang Melayu juga terpelihara dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- (c) Jelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia
- Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu semula.
 - Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan.
 - Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu daripada sembilan orang raja.
 - Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa Raja-raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa kerajaan Persekutuan.
 - Pada peringkat negeri, sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri.
 - Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan Negeri.
 - Terbentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
 - Membuka ruang kepada rang bukan Melayu menjadi warganegara.
 - Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.
 - Mewujudkan kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).
 - Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
 - Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada pembentukan Persekutuan tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.

Bab 6

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. D Melaksanakan kawasan penempatan semula
 2. D Melonggarkan syarat kerakyatan
 3. D Membanteras ancaman komunis
4. Petikan yang berikut....
- (a) Apakah maksud perang saraf?
- Diperkenalkan oleh Sir Gerald Templer – Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.
 - Menghapuskan komunis melalui kempen memenangi hati dan fikiran rakyat.
 - Kerajaan menjalin hubungan baik dengan rakyat untuk mendapatkan sokongan penduduk tempatan supaya bekerjasama dengan kerajaan untuk membanteras komunis.
 - Memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersama-sama dengan kerajaan membanteras ancaman komunis.

- (b) Mengapakah Sir Gerald Templer memperkenalkan kempen perang saraf untuk membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu?
- Peperangan menggunakan senjata sahaja kurang berkesan – untuk membanteras komunis.
 - Usaha membanteras komunis menggunakan aset ketenteraan - kurang mendapat sokongan yang menyeluruh daripada penduduk tempatan.
 - Beliau perlu mendapatkan sokongan penduduk tempatan – khususnya kaum Cina.
 - Beliau mencadangkan alternatif lain - memerangi komunis – disertai dengan perang psikologi – iaitu perang saraf.
 - Untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk tempatan - beliau menawarkan ganjaran dan insentif.
- (c) Sejauh manakah pelaksanaan perang saraf mencapai matlamatnya?
- Berjaya mencapai matlamat.
 - Mengadakan lawatan – berjaya mengetahui masalah rakyat – mendapatkan pandangan rakyat – meningkatkan sokongan penduduk tempatan terhadap kerajaan.
 - Melonggarkan syarat kerakyatan – usaha mewujudkan penduduk yang bersatu padu.
 - kaum bukan Melayu yakin dengan usaha kerajaan untuk memulihkan keamanan - menyokong tindakan kerajaan membanteras komunis.
 - Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur – menggalakkan sokongan penduduk tempatan terhadap kerajaan.
- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, syorkan langkah yang perlu dilakukan oleh rakyat untuk membantu kerajaan membanteras ancaman komunis.
- Menyokong usaha dan dasar kerajaan membanteras komunis.
 - Menyertai pasukan pertahanan dan keselamatan.
 - Menganggotai Pasukan Askar Wataniah.
 - Menyertai perhimpunan kempen bulan penduduk Tanah Melayu Melawan komunis. Mendaftarkan diri dalam program Khidmat Negara (National Service).
 - Mengamalkan Rukun Negara pada setiap masa.
 - Memilih pemimpin yang berkualiti semasa pilihan raya.
 - Mengekalkan perpaduan kaum – mengekalkan keamanan dan kesejahteraan.
 - Jangan mudah terpedaya dengan anasir subversif yang mahu memecahbelahkan perpaduan rakyat.
 - Mempelajari agama – mengukuhkan jati diri.
 - Mengingatkan bahaya ideologi komunis melalui media Massa, media elektronik, media cetak, media sosial, khutbah Jumaat dan risalah.
 -

5. Gambar di bawah:

- (a) Pada pandangan anda mengapakah British menubuhkan institusi tersebut?
- Federal Military College (FMC) adalah sebuah sekolah tentera yang ditubuhkan untuk melatih anak-anak muda Tanah Melayu untuk berkhidmat dalam angkatan tentera. FMC kadangkala digelar “Sandhurst Tanah Melayu”.
 - Sebelum tahun 1952, FMC dikenali “Depot Latihan Rejimen Melayu” Port Dickson.
 - Mereka mempelajari isyarat, taktik dan pentadbiran tentera.
 - Depot juga menyediakan kemudahan pendidikan untuk membawa ahli-ahli rejimen terpilih sehingga standard akademik yang diperlukan untuk penerimaan di Akademi Ketenteraan Diraja, Sandhurst.
 - Memberi latihan ketenteraan yang lebih tinggi, dengan tujuan untuk memenuhi syarat untuk pangkat yang ditugaskan.
 - Pada tahun 1952, M.E.B. David, Setiausaha Pertahanan, mengumumkan keputusan untuk mengembangkan Depot Latihan Rejimen Melayu.
 - Peluasan ini adalah untuk membentuk Pembentukan Pusat Latihan Rejimen Melayu, iaitu untuk

membentuk dua bahagian tambahan: Unit Latihan Kadet Pra- Pegawai (Pra-OCTU) dan The Boys Wing (The Boys Company).

- *The Boys Wing* menjadi sebahagian daripada tentera darat - bertugas di Rejimen Melayu dan Rejimen Persekutuan.
- Fungsi *Boys Wing* adalah untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak pegawai berkhidmat dan pangkat lain dalam Rejimen Melayu, yang membawa kepada tahap Sijil Sekolah dengan asas latihan ketenteraan.
- Pengambilan pertama 74 Boys ke Boys Wing direkrut pada tahun 1952.
- Umur *Boys* berumur antara 14 dan 15 tahun.
- Kelayakan pendidikan mereka bersamaan dengan Standard 4.
- Di samping keperluan akademik, mereka menjalani pelbagai ujian bakat.

(b) Setiap murid perlu menyertai pasukan beruniform di sekolah. Apakah kepentingan menyertai pasukan beruniform ini?

- Melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- Badan beruniform - seperti Kadet Polis, Kadet Bomba, Pengakap, Pandu Puteri Persatuan Bulan Sabit Merah dan sebagainya.
- Memupuk semangat berdisiplin dalam kalangan pelajar.
- Mematuhi peraturan dan arahan yang ditetapkan.
- Sebagai contohnya, dalam latihan berkawad, setiap anggota harus mematuhi arahan ketua pasukan supaya mempunyai rentak yang sama semasa bergerak.
- Semangat berdisiplin ini akan menjadi amalan dalam kehidupan mereka - tidak melanggar peraturan sekolah dan bertanggungjawab terhadap setiap perbuatan sendiri.
- Membentuk rakyat yang mematuhi undang-undang dan tidak terlibat dalam sebarang jenayah juvenil.
- Medan yang paling sesuai untuk mencambahkan pemimpin yang berwibawa.
- Pelajar dilantik atau dipilih sebagai pucuk pimpinan dalam organisasi sebagai pengerusi, setiausaha atau bendahari.
- Pelajar diasuh dan diasah sebagai insan yang bertanggungjawab, berkeyakinan, amanah, dedikasi dan berupaya berinteraksi dengan orang lain
- Pengalaman dalam pasukan beruniform dapat menjadikan mereka sebagai pemimpin
- Majoriti pemimpin negara kita pernah menjadi pemimpin dalam pasukan beruniform di sekolah.
- Memupuk sikap berdikari.
- Melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan tahan lasak atau kegiatan di luar sekolah, seperti aktiviti berkelah, berkhemah, kembara atau ekspedisi.
- Peserta perlu menguruskan rutin hidupnya tanpa bantuan ahli keluarga.
- Misalnya memasak, mencuci pakaian dan mendirikan khemah sendiri.
- Nilai berani, gigih, inisiatif, proaktif dan tabah akan dipupuk dalam sanubari setiap peserta untuk menghadapi pelbagai cabaran atau pancaroba.
- Menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan peserta.
- Selain ilmu akademik, pelajar perlu melengkapkan diri dengan ilmu dalam kehidupan dan sosial.
- Dengan menyertai Persatuan St. John Ambulans, pelajar memperoleh pengetahuan tentang pertolongan kecemasan.
- Dalam kegiatan Pasukan Pengakap dan Pandu Puteri, pelajar belajar untuk memasak
- Pengetahuan dan pengalaman ini tidak dapat ditimba daripada buku teks
- Pelajar tidak boleh bergantung pada pencapaian akademik sahaja.
- Pengalaman dan kemahiran ini dapat mematangkan fikiran pelajar
- Mewujudkan kerjasama antara pelajar yang berlainan bangsa.
- Pelajar yang berlainan bangsa dapat bertoleransi, tolong-menolong dan bekerjasama untuk menjayakan sesuatu program

- Pelajar berinteraksi dengan anggota dari sekolah/negeri lain
 - Mencambahkan benih perpaduan, integrasi nasional dan nasionalisme dalam sanubari generasi muda
 - Mencungkil bakat mereka dan minat mereka dalam bidang tertentu. Misalnya, anggota Persatuan Bulan Sabit Merah dan Persatuan St John Ambulans lazimnya berminat menjadi doktor, jururawat dan pegawai kesihatan apabila dewasa kelak.
 - Anggota Kadet Polis berpeluang diterima dalam pasukan Polis Diraja Malaysia kerana sejak di bangku sekolah mereka telah menjalani pelbagai latihan polis di sekolah.
 - Pelajar dapat menentukan hala tuju kerjaya mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan.
 - Melahirkan modal insan yang berkualiti, iaitu berdisiplin, beramanah, berketerampilan, bekerjasama, bertanggungjawab serta bersemangat kental dan waja diri
- (c) Bagaimanakah anda dapat memainkan peranan untuk menggerakkan masyarakat supaya menghargai sumbangan pasukan keselamatan kepada keamanan dan keharmonian negara?
- Menghargai dalam kehidupan seharian melalui media massa, media cetak, media elektronik dan media sosial – melalui rancangan Hari Ini dalam Sejarah/ Pahlawanku/Permintaan Perajurit.
 - Menerapkan dalam kurikulum pendidikan dalam semua peringkat/subjek Bahasa Malaysia/ Sejarah/Agama/Moral/Sivik.
 - Mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan seharian.
 - Memakamkan perajurit yang gugur di tempat yang terhormat/Makam Pahlawan.
 - Mengabadikan nama perajurit pada jalan, bangunan, gedung, universiti, kolej, sekolah dan sebagainya.
 - Mengadakan sambutan Hari Kebangsaan/Hari Pahlawan/Perisytiharan Hari Polis/ Hari Angkatan Tentera.
 - Mencontohi/meneladani sikap pahlawan – berani, sedia berkorban. berjiwa besar.
 - Mengabadikannya dalam bentuk penulisan artikel/biografi/novel/monumen.
 - Meneruskan kempen Tabung Rayuan Hari Pahlawan – untuk membantu bekas perajurit yang gugur/cedera/kecacatan anggota semasa bertugas di barisan hadapan.
 - Menghantar bingkisan/kad ucapan dan buah tangan semasa perayaan.
 - Menawarkan hadiah wang tunai kepada sesiapa yang berjaya menangkap pemimpin PKM sama ada hidup atau mati – Anggota PKM berlindung di dalam hutan – menjadikan hutan sebagai persembunyian mereka
 - Memenangi kepercayaan orang Asli – Pembinaan kubu (jungle fort) – membolehkan orang Asli membantu operasi ketenteraan.
 - Memajukan perkhidmatan penerangan – memberi kesedaran kepada rakyat kepentingan membanteras ancaman komunis.

Bab 7

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. D. Menganggotai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 2. D. Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
 3. B. Mewujudkan perpaduan kaum
 4. B. Perpaduan antara kaum tidak mantap
- 5.
- (a) Jelaskan idea negara merdeka yang diperjuangkan oleh tokoh di atas.

Ibrahim Haji Yaakob, pemimpin Kesatuan Melayu Muda.

Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu .

Dr. Burhanuddin al-Helmi, pemimpin Parti Islam Se-Tanah Melayu.

Dr. Burhanuddin al-Helmi, Yang Dipertua PAS, menegaskan bahawa PAS bercita-cita membina satu negara dan satu bangsa yang teguh dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal. Kemerdekaan bagi PAS ialah Tanah Melayu merdeka dengan menjalankan hukum Islam.

Dato' Onn Jaafar, pemimpin Independence of Malayan Party.

Dato' Onn Jaafar mengasaskan penubuhan Independence of Malayan Party (IMP) untuk melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan". Selepas tahun 1949, pemikiran politik Dato' Onn Jaafar terarah kepada perpaduan kebangsaan. Bagi Dato' Onn Jaafar, tuntutan kemerdekaan tidak boleh dibuat tanpa kerjasama kaum lain yang diterima menjadi rakyat Tanah Melayu. Beliau mahu orang Melayu menjadi pemimpin kepada orang bukan Melayu yang turut mempunyai hak dalam politik dan ekonomi.

- (b) Sejauh manakah idea negara merdeka tersebut menyemarakkan nasionalisme di negara kita?
- Menyemarakkan kegiatan politik selepas Perang Dunia Kedua.
 - Membawa kepada penubuhan parti-parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air.
 - Contohnya idea Melayu yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) terus diperjuangkan selepas KMM diharamkan.
 - Idea Melayu Raya diteruskan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada zaman pendudukan Jepun dan diperjuangkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi semasa pentadbiran British selepas Perang Dunia Kedua.
 - Independence of Malayan Party (IMP) pimpinan Dato Onn Jaafar memperjuangkan kemerdekaan melalui kerjasama dengan kaum-kaum lain untuk melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan" selepas tahun 1949.
- (c) Jelaskan iktibar yang diperolehi daripada perjuangan tokoh di atas untuk kecemerlangan generasi muda pada hari ini
- Kita mesti mempunyai semangat cintakan negara dan sedia berusaha untuk mempertahankan kedaulatan negara.
 - Kita harus mempunyai wawasan untuk memajukan diri, bangsa dan negara agar setanding dengan pencapaian bangsa-bangsa lain di dunia.
 - Kita sewajarnya mencontohi semangat perjuangan pemimpin terdahulu agar keamanan yang dikecapi pada hari ini dapat dipertahankan.
 - Kita mesti mengamalkan sikap bertoleransi dan bekerjasama dalam kalangan masyarakat berbilang kaum untuk mengekalkan keharmonian masyarakat.
 - Kita mesti berusaha mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara agar imej negara sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat di dunia.
- (Mana-mana jawapan munasabah)

Bab 8

Aktiviti 1- Meja Bulat Serentak

1. Bandingkan Situasi 1 dengan Situasi 2
Situasi 1: Tempat mengundi : Sekolah atau balai raya
Penggunaan poster: Dalam bentuk poster / sepanduk / dan dibawa oleh orang ramai. Situasi 2: Tempat mengundi: Sekolah
Penggunaan bendera dengan pelbagai logo parti yang bertanding. Dipacak/dibuat replika pelbagai bentuk

2. Adakah penggunaan poster masih relevan kini?
- (i) Relevan:
 - Mudah dihasilkan
 - Kos lebih rendah
 - Telah/ mudah dikenali umum
 - (ii) Tidak relevan
 - Mencacatkan pemandangan
 - Gangguan lalu lintas
 - Terdapat pelbagai teknik berkempen kini (Mana-mana jawapan yang munasabah)
3. Bagaimanakah situasi pilihan raya yang akan berlaku pada masa hadapan? Berikan gambaran anda
- Menggunakan poster di kawasan tertentu sahaja
 - Penggunaan media elektronik berleluasa
 - Mengundi secara dalam talian
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

Aktiviti 2- Fail Edar

- (a) Apakah maksud manifesto?
- Pengisytiharan tentang sesuatu dasar /polisi/tujuan sesuatu parti politik
- (b) Mengapakah Parti Perikatan menggunakan manifesto di atas?
- Mendapat sokongan pengundi
 - Menunjukkan kesungguhan menuntut kemerdekaan
 - Memberi kebajikan kepada semua rakyat
 - Menjunjung prinsip mengagungkan kedudukan Raja-raja Melayu
- (Mana-mana jawapan munasabah)
- (c) Bagaimana sesuatu manifesto dapat mempengaruhi pengundi?
- Relevan dengan situasi / suasana negara ketika itu
 - Peluang untuk pengundi memilih manifesto dari parti yang lebih baik
 - Pengundi inginkan ganjaran / kebajikan yang lebih sesuai
 - Pengundi mahukan perubahan dan mencuba gagasan baru
- (Mana-mana jawapan munasabah)
- (d) Mengapakah sesebuah parti perlu berusaha menunaikan manifesto mereka?
- Menunjukkan rasa terima kasih atas pengundi yang memilih mereka
 - Menghargai sokongan rakyat
 - Mengharapkan sokongan berterusan dari rakyat
 - Menunjukkan perbezaan / mengubah corak pengurusan sesuatu parti (Mana-mana jawapan munasabah)

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. B. Pilihan Raya Perbandaran George Town
2. D. Bertanggungjawab
3. B. Menunjukkan kompromi antara kaum

4

(a) Bagaimanakah kempen pilihan raya dijalankan?

- Calon berkempen dengan pelbagai cara
- Berkempen di khalayak umum di kawasan tertentu
- Berkempen dengan mengunjungi rumah ke rumah
- Berkempen dengan bertemu terus dengan pengundi

(Mana-mana jawapan munasabah)

(b) Adakah strategi berkempen seperti di atas masih berlaku dalam pilihan raya kini? Berikan penjelasan anda.

Ya. Strategi begini masih berlaku. Strategi berkempen di kawasan umum, mengunjungi rumah ke rumah dan bertemu terus dengan pengundi masih berlaku kini. Walau bagaimanapun, terdapat juga strategi berkempen selain dalam gambar di atas. Contohnya, terdapat calon menggunakan media massa, media sosial dan pendedaran risalah sebagai satu strategi yang sesuai dengan zaman dan situasi masyarakat kini.

(c) Cadangkan strategi berkempen dalam pilihan raya pada masa hadapan?

- Menggunakan media elektronik
- Menggunakan teknik berdebat / berpidato antara calon yang bertanding
- Menggunakan media social
- Menggunakan strategi berkampung di sesuatu kawasan yang ingin dimenangi
- Berdialog / Bertukar fikiran dengan rakyat/pengundi

(Mana-mana jawapan munasabah)

5.

(a) Mengapakah ketiga-tiga proses di atas perlu dikawal ketat?

- Membuktikan ketelusan Suruhanjaya Pilihan raya
- Menunjukkan keadilan untuk semua pihak
- Mengelak penipuan / kebocoran / ketirisan undi
- Meyakinkan semua pihak/ menaikkan kepercayaan semua pihak

(Mana-mana jawapan munasabah)

(b) Dengan menggunakan pelbagai sumber, bandingkan situasi mengundi pada masa dahulu dengan kini. Mengapakah wujud perbezaan tersebut?

- Pilihan raya dahulu kurang pengundi secara pos, namun kini banyak undi pos dan di merata-rata tempat terdapat pengundi pos
- Pilihan raya dahulu strategi berkempen tidak meluas dan pelbagai berbanding dengan kini pelbagai teknik digunakan dan lebih meluas
- Parti yang bertanding dahulu mewakili kaum/ etnik atau badan tertentu kini lebih banyak bersifat pelbagai kaum dalam sesuatu parti.
- Isu dan manifesto dahulu sesuai dengan situasi masa tersebut namun kini isu dan manifesto meluas dan perlu direalisasikan sesuai dengan keadaan masyarakat kini.

(Mana-mana jawapan munasabah)

Wujud perbezaan disebabkan:

- Perbezaan tempat bekerja/ belajar pengundi yang kini ramai di luar negara
- Strategi berkempen kini memerlukan masa yang pantas sesuai dengan teknik penggunaan media elektronik dan media sosial
- Parti politik kini juga tidak banyak bersifat perkauman kerana banyak yang mementingkan kompromi antara kaum
- Manifesto kini semakin rencam kerana memenuhi tuntutan masyarakat yang pelbagai

(Mana-mana jawapan munasabah)

- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, ceritakan proses pilihan raya yang dijalankan di negara kita. Proses pilihan raya di negara kita bermula apabila pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengeluarkan writ atau surat kuasa untuk menjalankan pilihan raya. SPR juga akan memaklumkan tempoh berkempen dan tarikh sesuatu pilihan raya akan diadakan. Perkara ini diikuti dengan Penamaan calon sama ada secara calon bebas atau mewakili sesuatu parti yang akan bertanding. Kempen pilihan raya mulai diadakan oleh calon dan parti politik yang bertanding. Pada hari pengundian, pengundi akan menunaikan kewajiban untuk mengundi. Selesai tempoh pengundian, undi akan dikira dan dijumlahkan. Akhirnya pengumuman keputusan pilihan raya dibuat oleh SPR.

Bab 9

Ulas Gilir

- (a) Terangkan situasi yang anda lihat dalam gambar diorama di atas
- Kelihatan sebuah kereta yang memuatkan Tunku Abdul Rahman di dalamnya sambil mengangkat tangan penuh bersemangat
 - Terdapat juga pasukan menaiki motosikal mengiringi kereta Tunku Abdul Rahman diiringi kereta lain di belakangnya.
 - Orang ramai pelbagai kaum dan peringkat usia membanjiri Banda Hilir, Melaka. (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah tempat tersebut menjadi pilihan peristiwa di atas?
Pada pendapat saya, pilihan tempat di kota Melaka ini adalah bersesuaian dengan tempat bermulanya perjuangan menentang penguasaan penjajah Portugis dahulu. Di kota tersebutlah runtuhnya kota pelabuhan kemegahan negara kita dan bermulalah perjuangan menentang penjajah yang berterusan hingga mencapai kemerdekaan.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (c) Apakah perasaan anda apabila melihat peristiwa ini? Berikan alasan anda.
- Sedih / Gembira (atau lain-lain perasaan)
- Alasan
- Mengingati perjuangan tokoh negara dalam memperjuangkan kemerdekaan
 - Kesungguhan pemimpin berkorban demi negara
 - Perjuangan yang dilakukan adalah bijak tanpa pertumpahan darah
 - Berasa bertanggungjawab bagi mengekalkan kedaulatan negara
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (d) Sekiranya anda berada di tempat peristiwa tersebut, apakah yang akan anda lakukan bagi menjadikan peristiwa ini bermakna kepada anda.
- Saya akan mengambil gambar peristiwa dan tokoh yang kelihatan untuk diabadikan sebagai kenangan dan ditunjukkan kepada generasi akan datang
 - Saya akan mengikuti setiap ucapan tokoh pemimpin dengan penuh perhatian
 - Saya akan sama-sama mengiringi rombongan kemerdekaan ini sehingga mereka pulang ke Kuala Lumpur.
 - Saya akan meminta mana-mana tokoh pemimpin ketika itu untuk mencatatkan suatu coretan atau menandatangani autograf untuk saya simpan dan pameran kepada generasi seterusnya.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

Main Peranan

Setelah murid main peranan pada peristiwa tersebut, mereka menjawab soalan berikut.

Kumpulan 1: Nyatakan kepentingan setiap peristiwa di atas

- Wakil Rombongan ke London menunjukkan usaha bersungguh para pemimpin negara dari pelbagai kaum untuk menuntut kemerdekaan
- Menghantar rombongan Tunku Abdul Rahman ke London di Tanjung Pagar, Singapura menunjukkan sokongan padu rakyat terhadap perjuangan pemimpin memerdekakan negara
- Tunku Abdul Rahman dan rombongan tiba di London menunjukkan reaksi gembira Tunku selamat sampai dalam perjalanan yang lama dan jauh serta diraikan oleh wakil British di sana.
- Mengadakan Perjanjian Kemerdekaan di London menunjukkan usaha mencapai kemerdekaan semakin hampir dan segala perjanjian dipersetujui bersama.
- Tunku Abdul Rahman dan rombongan tiba di Melaka diraikan dengan penuh semangat dan disambut dengan gilang-gemilang.
- Tunku Abdul Rahman berucap dan memaklumkan tarikh kemerdekaan negara menunjukkan kejayaan rombongan pemimpin dan sokongan rakyat mendaulatkan negara semakin hampir. Ucapan pemimpin negara dari pelbagai kaum juga menunjukkan sikap toleransi yang perlu dipertahankan oleh setiap rakyat.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Kumpulan 2: Jelaskan pengajaran yang boleh diteladani daripada tokoh dan peristiwa di atas.

- Sikap kesungguhan pemimpin perlulah diteladani dalam usaha mendaulatkan negara
- Kerjasama pemimpin dan rakyat pelbagai kaum adalah teras kejayaan dan punca kejayaan keharmonian negara
- Tokoh pemimpin negara kita berwibawa menjulang nama negara dengan bijak melalui rundingan bukan melalui kekerasan bersenjata.
- Sokongan padu dan keprihatinan rakyat dalam usaha memerdekakan negara mampu mengekalkan kesejahteraan negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

1. B. Negara menuju ke arah berkerajaan sendiri
2. B. Pembentukan sebuah Suruhanjaya Perlembagaan
3. C. Merangka perlembagaan negara yang merdeka

4

(a) Berikan nama ahli yang menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Lord Reid
- Sir William Ivor Jennings
- Sir William Mckell
- Hakim B.Malik
- Hakim Abdul Hamid

(b) Nyatakan peranan suruhanjaya ini

- Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu , mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.
- Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan
- Mewujudkan kerajaan Pusat yang kuat dengan kerajaan negeri juga mempunyai kuasa autonomi tertentu
- Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di negeri masing- masing

- Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu
- Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah bagi kaum lain

(c) Pada pendapat anda, mengapakah suruhanjaya ini menerima banyak memorandum daripada pelbagai pihak?

- Menunjukkan sikap toleransi Suruhanjaya ini dan sedia menerima pendapat pelbagai pihak
- Menghargai pendapat pelbagai kaum di negara kita
- Semua pihak mahu menyuarakan hasrat dan mahu kedudukan mereka terjamin di negara ini.
- Situasi negara kita yang unit, lebih memilih untuk berbincang dan menyuarakan pendapat (Mana-mana jawapan yang munasabah)

5

(a) Ceritakan apa yang anda lihat dari kedua-dua gambar tersebut

- Tunku Abdul Rahman tiba dengan menaiki pesawat dan melambaikan tangan dengan penuh semangat
- Tunku Abdul Rahman memberi ucapan dengan disaksikan oleh ribuan rakyat yang membawa pelbagai sepanduk bagi menyatakan keterujaan mereka menanti detik pengumuman tarikh kemerdekaan kelak.

(Mana-mana jawapan munasabah)

(b) Mengapakah pengumuman tarikh kemerdekaan penting kepada rakyat di negara kita?

- Menunjukkan kejayaan perjuangan pemimpin dan rakyat mulai menampakkan hasil
- Menyuarakan hasrat untuk memastikan kedudukan semua pihak terjamin di negara ini
- Merangka strategi dan upacara untuk meraikan detik kemerdekaan kelak
- Membina azam / perjuangan baharu untuk negara baharu akan bermula selepas tarikh kemerdekaan diumumkan kelak

(Mana-mana jawapan munasabah)

(c) Terangkan nilai yang boleh diteladani daripada tokoh dan peristiwa di Padang Banda Hilir Melaka.

- Nilai kesungguhan pemimpin dalam usaha mendaulatkan negara
- Nilai kerjasama pemimpin dan rakyat pelbagai kaum dalam menjaga keharmonian negara
- Nilai bertanggungjawab pemimpin dalam memperjuangkan hak rakyat
- Nilai keprihatinan rakyat dalam usaha memerdekakan negara

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Bab 10

Fikir-Pasang-Kongsi

(a) Ceritakan peristiwa yang dilalui oleh tokoh dalam petikan di atas

- Tokoh Tan Sri Zaleha meredah hujan untuk menyaksikan pengisytiharan kemerdekaan. Beliau juga merasa lapar namun tiada peniaga menjual makanan. Ketika Tunku Abdul Rahman melaungkan kemerdekaan, beliau berasa sebak sehingga mengalirkan air mata kerana terlalu gembira .
- Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim pula mendengar melalui radio pengisytiharan tersebut bersama ayahnya di Ipoh, Perak. Mereka berkumpul di padang di Ipoh bagi meraikan detik tersebut dan turut melaungkan merdeka apabila mendengar Tunku Abdul Rahman melaungkannya di Stadium Merdeka.

- (b) Apakah perasaan tokoh tersebut ketika menyaksikan peristiwa bersejarah ini?
- Gembira, sebak dan terharu
- (c) Andaikan anda berada semasa peristiwa bersejarah ini, apakah perasaan anda. Mengapa?
- Berasa gembira kerana kita telah bebas dari belenggu penjajah
 - Berasa sedih kerana mengingati perjuangan tokoh dan rakyat untuk mendaulatkan negara
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (d) Bagaimanakah peristiwa di atas dapat dihayati oleh generasi kini
- Mengadakan pantomin / teater melakonkan semula detik ini dalam kelas
 - Mengadakan Bulan Kemerdekaan / Bulan Patriotisme dan melakonkan babak ini
 - Meletakkan gambar bersejarah ini di dinding sekolah /dijadikan mural di sekolah
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Tanya

- (a) Ceritakan peristiwa yang anda lihat dalam peristiwa di atas
- Sambutan kemerdekaan yang penuh kemeriahan
 - Sukan SEAP diadakan di Stadium Merdeka dengan penuh semangat kesukanan
 - Kejayaan negara dalam menyertai bola sepak kelayakan Olimpik 1980 yang diraikan dengan penuh semangat muhibah
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (b)
- (i) Bincangkan keistimewaan Stadium Merdeka
- Tempat pengisytiharan kemerdekaan
 - Banyak peristiwa penting diadakan di stadium ini seperti perayaan ulangtahun kemerdekaan negara
 - Upacara sukan yang berprestij juga kerap diadakan di Stadium Merdeka
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (ii) Sebagai generasi yang cinta akan warisan sejarah, mengapakah anda perlu membantah usaha tersebut? Berikan alasan anda.
- Saya membantah usaha tersebut kerana Stadium Merdeka merupakan tempat bersejarah yang perlu dipertahankan. Di sinilah pengisytiharan negara dilakukan pada tahun 1957. Pengekalan ini perlu bagi membuktikan yang kita pernah merdeka dengan perjuangan bersungguh-sungguh para pemimpin dan perlu ditunjukkan kepada generasi akan datang. Stadium ini juga banyak diadakan upacara berprestij negara seperti upacara kebudayaan dan sukan suatu ketika dahulu. Pengekalan stadium ini juga boleh dijadikan satu tarikan pelancong untuk melihat tempat bersejarah di negara kita. Kedatangan pelancong akan membantu meningkatkan ekonomi dan memakmurkan negara.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (iii) Apakah peranan anda untuk memelihara dan memulihara tempat bersejarah di negara kita?
- Menghindari daripada kegiatan vandalisme / merosakkan tempat awam
 - Menjadikan tempat atau bangunan bersejarah sebagai tempat lawatan keluarga
 - Mengadakan kempen menggalakkan rakan-rakan mencintai tempat bersejarah
 - Mewujudkan blog/ menggunakan media sosial untuk menghebahkan keunikan sesuatu tempat atau bangunan bersejarah di negara kita
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN KRITIS

- 1.B. Bebas daripada penjajah
- 2.D. Melahirkan semangat cinta akan negara
- 3.A. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi
- 4.D. Memantau projek pembangunan

5

- (a) Nyatakan mesej yang terdapat dalam lirik lagu *Negaraku*
- Kesetiaan kepada raja dan negara
 - Kepentingan hidup bersatu padu
 - Bersyukur pada nikmat Tuhan
 - Sanggup berkorban demi negara
 - Mencintai negara
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (b) Apakah kepentingan Lagu Kebangsaan kepada sesebuah negara
- Mempamerkan rasa kesetiaan kepada raja dan negara
 - Menyatukan rakyat negara yang terdiri dari pelbagai kaum
 - Meningkatkan usaha untuk memajukan diri dan negara
 - Bersyukur kepada Tuhan yang membahagiakan kita
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (c) Bagaimanakah anda menghayati lirik lagu dalam kehidupan seharian
- Mendaulatkan institusi beraja
 - Menjaga hubungan antara kaum
 - Bersyukur kepada Tuhan dengan tidak merosakkan nama baik negara
 - Mengekalkan keharmonian negara
 - Menolak gejala negatif
 - Mematuhi ajaran agama/ menghormati amalan kaum lain
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

6

- (a) Pada pendapat anda, mengapakah Tunku Abdul Rahman memberikan ucapan sedemikian?
- Meraikan perbezaan pendapat dalam pelbagai parti politik
 - Menghargai perjuangan kemerdekaan walaupun dalam parti yang berbeza
 - Menggalakkan kerjasama antara parti politik
 - Mengharmonikan negara
 - Menggalakkan semua pihak meraikan hari kemerdekaan negara
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (b) Apakah sifat mulia Tunku Abdul Rahman berdasarkan ucapan ini?
- Berfikiran terbuka
 - Mementingkan perpaduan dan keharmonian negara
 - Meraikan perbezaan pendapat
 - Menghargai perjuangan semua pihak
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

- (c) Mengapakah semua pihak perlu meraikan Hari Kemerdekaan negara kita tanpa mengira ideologi masing-masing
- Perjuangan menuntut kemerdekaan dilakukan oleh semua pihak walaupun berbeza ideologi/parti
 - Menunjukkan rasa cinta akan negara
 - Mempamerkan perpaduan untuk kesejahteraan negara
 - Mengekalkan kemerdekaan negara tanpa mengira perbezaan pendapat
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (d) Bagaimanakah anda boleh memainkan peranan untuk menggerakkan masyarakat meraikan Hari Kemerdekaan negara?
- Mengadakan kempen menggalakkan rakan-rakan meraikan Hari Kemerdekaan
 - Mengadakan pertandingan mencipta logo hari Kemerdekaan peringkat sekolah
 - Mencadangkan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk sama-sama mengadakan majlis meraikan Hari Kemerdekaan
 - Mewujudkan blog/menggunakan media sosial untuk menghebahkan keunikan perjuangan menuntut kemerdekaan di negara kita
- (mana-mana jawapan yang munasabah)

7.

- (a) Ceritakan detik pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- 10.00 malam - wakil ahli-ahli Perikatan dari Negeri-negeri Tanah Melayu dan Singapura berpakaian baju Melayu hitam diketuai Encik Saadon Haji Jubir mengambil tempat.
 - 10.30 malam -300 Pemuda Perikatan membentuk perbarisan kehormatan diketuai oleh En. Ismail Bontak..
 - 11.58 malam- Semua lampu di padang dan di sekelilingnya dipadamkan sehingga seluruh kawasan menjadi gelap gelita.
 - 12.00 malam - Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi menandakan detik 12 malam tiba. Ini diikuti dengan laungan “Merdeka” oleh orang ramai yang menggegarkan seluruh padang. Bendera Union Jack mula diturunkan oleh Encik Tahir Abdul Majid dengan diiringi lagu *God Save The Queen*. Penurunan bendera Union Jack disambut dengan tepukan yang bergemuruh dan laungan “Merdeka”. Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan diiringi lagu kebangsaan *Negaraku* yang diperdengarkan buat pertama kalinya kepada umum pada malam bersejarah itu. Setelah bendera Persekutuan Tanah Melayu sampai ke puncak tiang, sorakan “Merdeka” telah dilaungkan sebanyak tujuh kali.

PERISTIWA DI STADIUM MERDEKA

- Pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur upacara gilang gemilang diadakan.
 - Jam 8.15 pagi nafiri pun berbunyi dan Duke of Gloucester membawa Surat Perlembagaan Serahan Kuasa serta memberi ucapan.
 - Tunku Abdul Rahman memberi ucapan. Sebaik-baik selesai, Tunku membaca Pemasyhuran Kemerdekaan menghebahkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan kedaulatan.
- (b) Apakah yang dapat anda tafsirkan melalui gambar A dan gambar B
- Gambar A -Bendera Union Jack diturunkan menandakan tamatnya negara kita dari belunggu penjajah. Negara kita kini bebas setelah beratus-ratus tahun dijajah dan hidup dalam penderitaan dan tiada kebebasan.

- Gambar B- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan melambangkan kita kini merdeka dan bebas dari belunggu penjajah. Kita mempunyai identiti diri dan perlu mempertahankan kedaulatan negara. Rasa cinta akan negara semakin menebal apabila melihat bendera ini dan bersyukur akan kemerdekaan yang dicapai dengan penuh bijaksana.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

(c) Bagaimana anda dapat menjiwai detik bersejarah di sebelah?

- Mengadakan pantomin / teater melakonkan semula detik ini ketika perhimpunan / dalam kelas ketika pembelajaran.
- Mengadakan Bulan Kemerdekaan / Bulan Patriotisme dan melakonkan babak ini.
- Meletakkan gambar bersejarah ini di dalam kelas /dijadikan mural di sekolah.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)